



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (08 MAC 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

##### **A. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif)**

Hari ini terdapat **182** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj iaitu dari Hospital Sibu (62), Hospital Bintulu (45), PKRC di bawah Hospital Kapit (27), Hospital Umum Sarawak (20), Hospital Sarikei (12), Hospital Miri (11), PKRC Betong (3) dan PKRC Sri Aman (2). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj meningkat kepada **8,777** orang atau **77.34%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **2,446** orang dimana:

- 985 kes di Hospital Sibu dan PKRC di Sibu;
- 328 kes di Hospital Bintulu dan PKRC di Bintulu
- 328 kes di Hospital Miri dan PKRC di Miri;
- 286 kes di Hospital Umum Sarawak dan PKRC di Kuching;
- 212 kes di Hospital Betong dan PKRC di Betong;

- 146 kes di Hospital Kapit dan PKRC di Kapit;
- 134 kes di Hospital Sarikei dan PKRC di Sarikei;
- 21 kes di Hospital Sri Aman dan PKRC di Sri Aman; dan
- 6 kes di PKRC Mukah.

Hari ini, **252 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

## **B. Kes Kematian COVID-19 Baharu.**

Hari ini **terdapat satu (1) kes** kematian baharu melibatkan jangkitan COVID-19 di Sarawak. Ini menjadikan jumlah kematian akibat jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada seramai **88 orang atau sebanyak 0.78 peratus** dari keseluruhan kes positif yang dilaporkan di Sarawak.

### **I. Kes Kematian Ke-88.**

**Kes kematian ke-88 merupakan kes positif COVID-19 ke-10,250** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 66 tahun yang telah mendapat rawatan di Hospital Kapit kerana mengalami kelesuan, demam dan batuk beberapa hari yang lepas. Ujian saringan rapid test kit antigen dan rT-PCR COVID-19 yang dibuat di hospital pada 01 Mac 2021 adalah positif. Keadaan kesihatan kes didapati merosot dan disahkan meninggal dunia pada 06 Mac 2021. Kes mempunyai ko-morbid *anemia aplastic*.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada ahli keluarga mangsa.

### **C. Kes Baharu COVID-19**

Hari ini **terdapat 252 kes** baharu COVID-19 dikesan di Sarawak di mana **234 tidak menunjukkan sebarang gejala** dan **18 menunjukkan gejala**. Daerah-daerah yang melaporkan kes adalah Daerah Sibü (149), Bintulu (23), Miri (17), Subis (13), Kuching (7), Mukah (7), Betong (6), Sarikei (6), Sebauh (6), Kanowit (5), Kapit (5), Julau (2), Meradong (2), Belaga (1), Beluru (1), Samarahan (1), dan Tatau (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan **meningkat kepada 11,348 kes**. Perincian kes-kes tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut:

#### **I. Daerah Sibü (149 Kes)**

- a) **133 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19 yang melibatkan kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Skim Penempatan Semula Sentosa Fasa 2. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **14 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Sibü. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- c) **2 kes** saringan petugas kesihatan di fasiliti kesihatan di daerah Sibü. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **II. Daerah Bintulu (23 Kes)**

- a) **20 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Sembilan (9) daripada kes-kes ini mengalami tanda dan gejala.
- b) **2 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Bintulu. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- c) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Bintulu. Kes dikategorikan sebagai kes import C iaitu mendapat jangkitan dari Miri. Kes ada menunjukkan gejala.

## **III. Daerah Miri (17 Kes)**

- a) **13 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **4 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Miri. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **IV. Daerah Subis (13 Kes)**

- a) **13 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **V. Daerah Kuching (7 Kes)**

- a) **3 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes dikategorikan sebagai kes Import B iaitu dua (2) orang mendapat jangkitan dari Kuala Lumpur dan seorang (1) mendapat jangkitan semasa berada di Selangor. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **2 kes** yang melibatkan kluster Emperoh Jambu. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- c) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- d) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Kuching. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **VI. Daerah Mukah (7 Kes)**

- a) **5 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Mukah. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- c) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Mukah. Kes ada menunjukkan gejala.

## **VII. Daerah Betong (6 Kes)**

- a) **5 kes** yang melibatkan kluster Jalan Muhibbah. Semua kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan. Tiga (3) daripada kes-kes ini mengalami tanda dan gejala.
- b) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **VIII. Daerah Sebauh (6 Kes)**

- a) **5 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Empat (4) kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan satu (1) kes dikategorikan sebagai kes import C iaitu mendapat jangkitan dari Bintulu. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Sebauh. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **IX. Daerah Sarikei (6 Kes)**

- a) **6 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

#### **X. Daerah Kapit (5 Kes)**

- a) **4 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **1 kes** yang melibatkan kluster Gelong. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

#### **XI. Daerah Kanowit (5 Kes)**

- a) **3 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Semua kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **2 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Kanowit. Kes ada menunjukkan gejala.

#### **XII. Daerah Julau (2 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan kluster Bukit Tunggul. Kes ada menunjukkan gejala.
- b) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Julau. Kes ada menunjukkan gejala.

#### **XIII. Daerah Meradong (2 Kes)**

- a) **2 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

**XIV. Daerah Samarahan (1 Kes)**

- a) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Samarahan. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

**XV. Daerah Beluru (1 Kes)**

- a) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Beluru. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

**XVI. Daerah Tatau (1 Kes)**

- a) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

**XVII. Daerah Belaga (1 Kes)**

- a) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Belaga. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.



#### **D. Kluster Yang Masih Aktif.**

Jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak 26 kluster. Lapan (8) kluster yang mempunyai penambahan kes, manakala 22 kluster tiada penambahan kes.

- I. Kluster Bukit Tunggal, Julau** : terdapat penambahan 1 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 32 kes. Sejumlah 139 individu telah disaring dimana, 107 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- II. Kluster Jalan Muhibbah, Betong** : terdapat penambahan 5 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 233 kes. Sejumlah 2,621 individu telah disaring dimana, 2,199 negatif dan 189 masih menunggu keputusan makmal.
- III. Kluster Emperoh Jambu, Kuching** : terdapat penambahan 2 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 232 kes. Sejumlah 1,000 individu telah disaring dimana, 710 negatif dan 58 masih menunggu keputusan makmal.
- IV. Kluster Gelong, Kapit** : terdapat penambahan 1 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 209 kes. Sejumlah 256 individu telah disaring dimana, 47 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- V. Kluster Kiba, Sibuluan** : tiada penambahan kes.
- VI. Kluster Jalan Awang, Sibuluan** : tiada penambahan kes.
- VII. Kluster Buloh, Selangau** : tiada penambahan kes.
- VIII. Kluster Jalan Ho Pin, Samarahan** : tiada penambahan kes.
- IX. Kluster Sungai Bakong, Meradong** : tiada penambahan kes.

- X. Kluster Kampung Sungai Maong, Kuching** : tiada penambahan kes.
- XI. Kluster Jalan Green, Kuching** : tiada penambahan kes.
- XII. Kluster Kejatau, Sri Aman** : tiada penambahan kes.
- XIII. Kluster Jan Yong, Kapit** : tiada penambahan kes.
- XIV. Kluster Geronggang, Sibul** : tiada penambahan kes.
- XV. Kluster Mas Merah, Sibul** : tiada penambahan kes.
- XVI. Kluster Univista, Samarahan** : tiada penambahan kes.
- XVII. Kluster Kidurong Dua, Bintulu** : tiada penambahan kes.
- XVIII. Kluster Nanga Lijan, Julau** : tiada penambahan kes.
- XIX. Kluster Seruas, Beluru** : tiada penambahan kes.
- XX. Kluster Sebangkoi, Sri Aman** : tiada penambahan kes.
- XXI. Kluster Jun Heng, Bintulu** : tiada penambahan kes.
- XXII. Kluster Bintang Daily, Meradong** : tiada penambahan kes.
- XXIII. Kluster Jalan Pengiran, Matu** : tiada penambahan kes.
- XXIV. Kluster Tabong, Bau** : tiada penambahan kes.
- XXV. Kluster Rakut, Miri** : tiada penambahan kes.
- XXVI. Kluster Pasai, Sibul** : tiada penambahan kes.
  - a) Sub-Kluster Tangap (Subis)** : tiada penambahan kes

**E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Julau telah bertukar ke status Merah** setelah merekodkan sejumlah 42 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

**Daerah Bau pula telah kembali ke status Jingga daripada status merah** setelah mencatatkan sejumlah 38 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

**Daerah Kanowit telah bertukar ke status Jingga** setelah merekodkan 22 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

**Darah Belaga telah bertukar status Kuning** setelah mencatatkan satu (1) kes jangkitan tempatan pada hari ini.

Daerah Selangau, Betong, Meradong, Kuching, Kapit, Bintulu, Miri dan Sibu kekal berstatus Merah dengan sejumlah **2697** kes jangkitan tempatan dilaporkan di lapan (8) buah daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Samarahan, Sarikei, Serian, Subis, Dalat dan Sri Aman kekal berstatus Jingga dengan jumlah keseluruhan **181** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Lundu, Bukit Mabong, Tatau, Marudi, Mukah, Pusa, Song, Asajaya, Beluru, Saratok dan Sebauh kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **76** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Manakala 11 daerah lain kekal berstatus Hijau.

#### **F. Laporan Harian Aktiviti Pemberian Vaksin COVID-19 Di Sarawak.**

Sehingga 07 Mac 2021, jumlah keseluruhan yang telah diberikan suntikan vaksin adalah **sebanyak 20,856** sejak program immunisasi bermula pada 26 Februari 2021.

#### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **63 kompaun** di daerah Kuching (57), Padawan (4) dan Miri (2) kerana telah melanggar SOP.

### **3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

#### **A. Penamatan Tempoh PKPD Kampung Emperoh Jambu, Padawan**

Hari ini Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri telah menamatkan tempoh PKPD di Kampung Emperoh Jambu, Padawan memandangkan keputusan saringan kedua tidak mendapati sebarang kes positif yang baharu. Di samping itu juga tiada bukti yang menunjukkan jangkitan masih menular di kawasan tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi dan penduduk kampung atas kerjasama menjayakan PKPD ini.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
08 MAC 2021  
5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

|                                  |                |   |  |               |                    |
|----------------------------------|----------------|---|--|---------------|--------------------|
| <b>Cumm. Positive Cases</b>      | <b>11,096</b>  | <b>ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)</b> | <b>2,446</b>                             | <b>21.55%</b> |                    |
| <b>New Cases</b>                 | <b>252</b>     | <b>Cases in Intensive Care Unit (ICU)</b>                                     | <b>12</b>                                | <b>0.11%</b>  |                    |
| <b>Total Samples by Individu</b> | <b>492,116</b> | <b>Intubated Cases</b>  | <b>17</b>                                | <b>0.15%</b>  |                    |
| <b>Cumm. Positive Cases</b>      | <b>11,348</b>  | <b>Total COVID-19 Death Cases</b>   | <b>88</b>                                | <b>0.78%</b>  |                    |
| <b>IR per 100,000 population</b> | <b>367.86</b>  | <b>Total Non-COVID-19 Death Cases</b>   | <b>31</b>                                | <b>0.27%</b>  |                    |
| <b>Lab. Results (PUI)</b>        | <b>New</b>     | <b>Cummulative</b>  | <b>Recovered and discharged cases</b>    | <b>8,777</b>  | <b>77.34%</b>      |
| <b>Negative</b>                  | <b>3</b>       | <b>12,600</b>   | <b>Patient Under Investigation (PUI)</b> | <b>New</b>    | <b>Cummulative</b> |
| <b>PUI Pending Result</b>        | <b>0</b>       | <b>0</b>  |  | <b>252</b>    | <b>23,948</b>      |

| Current Status  | SGH Kuching        | Hospital & PKRC Sibul | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Limbang | Hospital Sarikei | Hospital & PKRC Kapit | PKRC Betong | PKRC Mukah | PKRC Lawas | Hospital Sri Aman | PKRC Sipitang, Sabah | Hospital Sungai Buloh | TOTAL  |
|---|--------------------|-----------------------|------------------|---------------|------------------|------------------|-----------------------|-------------|------------|------------|-------------------|----------------------|-----------------------|--------|
| <b>ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)</b> | 286                | 985                   | 328              | 328           | 0                | 134              | 146                   | 212         | 6          | 0          | 21                | 0                    | 0                     | 2,446  |
| <b>Kes di Intensive Care Unit (ICU)</b>                                       | 1                  | 10                    | 0                | 1             | 0                | 0                | 0                     | 0           | 0          | 0          | 0                 | 0                    | 0                     | 12     |
| <b>Intubated cases</b>  | 1                  | 16                    | 0                | 0             | 0                | 0                | 0                     | 0           | 0          | 0          | 0                 | 0                    | 0                     | 17     |
| <b>Total COVID-19 Death Cases</b>   | 20                 | 52                    | 8                | 6             | 0                | 0                | 2                     | 0           | 0          | 0          | 0                 | 0                    | 0                     | 88     |
| <b>Total Non-COVID-19 Death Cases</b>   | 2                  | 14                    | 3                | 9             | 0                | 0                | 3                     | 0           | 0          | 0          | 0                 | 0                    | 0                     | 31     |
| <b>Recovered and discharged cases</b>   | <b>New</b>         | 20                    | 62               | 45            | 11               | 0                | 12                    | 27          | 3          | 0          | 0                 | 2                    | 0                     | 182    |
|   | <b>Cummulative</b> | 1,783                 | 4,090            | 671           | 1,146            | 7                | 318                   | 726         | 6          | 0          | 1                 | 25                   | 3                     | 8,777  |
| <b>Total re-admission cases (Re-tested Positive)</b>                          | 9                  | 9                     | 3                | 1             | 0                | 0                | 0                     | 0           | 0          | 0          | 0                 | 0                    | 0                     | 22     |
| <b>TOTAL NOT ADMITTED</b>   | 3                  | 4                     | 1                | 0             | 0                | 0                | 0                     | 0           | 0          | 0          | 0                 | 0                    | 0                     | 8      |
| <b>TOTAL ADMISSION (Individu)</b>   | 2,090              | 5,141                 | 1,005            | 1,491         | 7                | 453              | 878                   | 218         | 6          | 1          | 46                | 1                    | 3                     | 11,340 |

| DAERAH MERAH (9) |          |                             |               |              |              |            |              |                         |           |                   |           |  |   |  |
|------------------|----------|-----------------------------|---------------|--------------|--------------|------------|--------------|-------------------------|-----------|-------------------|-----------|--|---|--|
| No.              | Daerah   | Patient Under Investigation |               | Kes COVID-19 |              | Kes Discaj |              | Kematian Bukan COVID-19 |           | Kematian COVID-19 |           | Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
|                  |          | Baru                        | Kum.          | Baru         | Kum.         | Baru       | Kum.         | Baru                    | Kum.      | Baru              | Kum.      |  |   |  |
| 1                | Julau    | 2                           | 141           | 2            | 143          | 4          | 109          | 0                       | 0         | 0                 | 1         | 33   | 43  | 42   |
| 2                | Selangau | 0                           | 77            | 0            | 96           | 1          | 74           | 0                       | 0         | 0                 | 0         | 22   | 55  | 55   |
| 3                | Betong   | 6                           | 469           | 6            | 300          | 3          | 83           | 0                       | 0         | 0                 | 1         | 216  | 237   | 237  |
| 4                | Meradong | 2                           | 280           | 2            | 251          | 8          | 178          | 0                       | 2         | 0                 | 0         | 71   | 192   | 192  |
| 5                | Kuching  | 7                           | 10,443        | 7            | 1379         | 14         | 1177         | 0                       | 2         | 0                 | 12        | 188  | 262   | 234  |
| 6                | Kapit    | 5                           | 684           | 5            | 583          | 26         | 452          | 0                       | 2         | 0                 | 0         | 129  | 228   | 228  |
| 7                | Bintulu  | 23                          | 1,252         | 23           | 836          | 42         | 554          | 0                       | 1         | 0                 | 5         | 276  | 352   | 344  |
| 8                | Miri     | 17                          | 1,956         | 17           | 1,024        | 5          | 728          | 0                       | 7         | 0                 | 7         | 282  | 275   | 274  |
| 9                | Sibu     | 149                         | 4,478         | 149          | 4,365        | 59         | 3372         | 0                       | 10        | 0                 | 48        | 931  | 1,179   | 1,133  |
| <b>Jumlah</b>    |          | <b>211</b>                  | <b>19,780</b> | <b>211</b>   | <b>8,977</b> | <b>162</b> | <b>6,727</b> | <b>0</b>                | <b>24</b> | <b>0</b>          | <b>74</b> | <b>2,148</b>   | <b>2,823</b>                                    | <b>2,739</b>   |

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

| DAERAH JINGGA (8) |           |                             |              |              |              |            |              |                         |          |                   |          |  |   |  |
|-------------------|-----------|-----------------------------|--------------|--------------|--------------|------------|--------------|-------------------------|----------|-------------------|----------|--|---|--|
| No.               | Daerah    | Patient Under Investigation |              | Kes COVID-19 |              | Kes Discaj |              | Kematian Bukan COVID-19 |          | Kematian COVID-19 |          | Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
|                   |           |                             |              |              |              |            |              |                         |          |                   |          |  |   |  |
| 1                 | Bau       | 0                           | 314          | 0            | 96           | 1          | 65           | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 31   | 38  | 38   |
| 2                 | Kanowit   | 5                           | 320          | 5            | 382          | 3          | 358          | 0                       | 1        | 0                 | 2        | 21   | 22  | 22   |
| 3                 | Samarahan | 1                           | 863          | 1            | 266          | 1          | 245          | 0                       | 0        | 0                 | 5        | 16   | 40  | 29   |
| 4                 | Sarikei   | 6                           | 158          | 6            | 72           | 0          | 45           | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 27   | 30  | 29   |
| 5                 | Serian    | 0                           | 242          | 0            | 101          | 4          | 64           | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 37   | 50  | 37   |
| 6                 | Subis     | 13                          | 190          | 13           | 216          | 6          | 174          | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 42   | 44  | 40   |
| 7                 | Dalat     | 0                           | 360          | 0            | 234          | 1          | 215          | 0                       | 1        | 0                 | 1        | 17   | 23  | 23   |
| 8                 | Sri Aman  | 0                           | 165          | 0            | 110          | 2          | 82           | 0                       | 0        | 0                 | 1        | 27   | 25  | 23   |
| <b>Jumlah</b>     |           | <b>25</b>                   | <b>2,612</b> | <b>25</b>    | <b>1,477</b> | <b>18</b>  | <b>1,248</b> | <b>0</b>                | <b>2</b> | <b>0</b>          | <b>9</b> | <b>218</b>   | <b>272</b>                                      | <b>241</b>   |

| DAERAH KUNING (12) |              |                             |              |              |            |            |            |                         |          |                   |          |  |   |  |
|--------------------|--------------|-----------------------------|--------------|--------------|------------|------------|------------|-------------------------|----------|-------------------|----------|--|---|--|
| No.                | Daerah       | Patient Under Investigation |              | Kes COVID-19 |            | Kes Discaj |            | Kematian Bukan COVID-19 |          | Kematian COVID-19 |          | Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
|                    |              | Baru                        | Kum.         | Baru         | Kum.       | Baru       | Kum.       | Baru                    | Kum.     | Baru              | Kum.     |  |   |  |
| 1                  | Belaga       | 1                           | 17           | 1            | 8          | 0          | 7          | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 1  | 1   | 1  |
| 2                  | Lundu        | 0                           | 335          | 0            | 69         | 0          | 67         | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 2  | 2   | 2  |
| 3                  | Bukit Mabong | 0                           | 34           | 0            | 50         | 0          | 40         | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 10   | 9   | 9  |
| 4                  | Tatau        | 1                           | 15           | 1            | 9          | 0          | 6          | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 3  | 3   | 1  |
| 5                  | Marudi       | 0                           | 15           | 0            | 2          | 0          | 1          | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 1  | 1   | 1  |
| 6                  | Mukah        | 7                           | 100          | 7            | 17         | 0          | 2          | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 15   | 16  | 16   |
| 7                  | Pusa         | 0                           | 19           | 0            | 11         | 0          | 2          | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 9  | 9   | 9  |
| 8                  | Song         | 0                           | 190          | 0            | 254        | 1          | 246        | 0                       | 1        | 1                 | 3        | 4  | 4   | 4  |
| 9                  | Asajaya      | 0                           | 53           | 0            | 14         | 0          | 8          | 0                       | 0        | 0                 | 0        | 4  | 5   | 4  |
| 10                 | Beluru       | 1                           | 204          | 1            | 227        | 0          | 220        | 0                       | 1        | 0                 | 0        | 6  | 6   | 6  |
